

# "Program Kalaasangamam The Unity Of Arts"

Oleh : Fazlina Md. Fadzil



Program "**Kalaasangamam**" membawa maksud iaitu "Kalaa" ialah kesenian dan "Sangamam" pula bermakna pertemuan masyarakat yang berlainan tradisi dan budaya yang akan menjadi teras untuk mewujudkan perpaduan. Program ini merupakan anjuran oleh Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2008 & 2009 dan Jawatankuasa Pelaksana Ponggal Gala Nite 2009. Ianya telah berlangsung pada 23 Mac 2009 bertempat di Dewan Kapitol, UniMAP. Mahasiswa sendiri sebagai penganjur program ini percaya bahawa dengan pelaksanaan program integrasi kaum seperti ini adalah seiring dengan hasrat dan harapan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor agar UniMAP muncul dan dikenali sebagai Juara Perpaduan dan sekaligus bersama-sama memikul tanggungjawab untuk mengekalkan perpaduan dan keharmonian pelbagai kaum di Malaysia. Objektif penganjuran program ini adalah untuk menyokong seruan Y. Bhg. Dato' Naib Canselor untuk menjadikan perpaduan sebagai teras kehidupan mahasiswa/i UniMAP. Di samping mengeratkan hubungan silaturrahim dan dapat membina bangsa Malaysia yang saling hormat-menghormati budaya dan kepercayaan setiap kaum di Malaysia.

Antara tetamu jemputan yang turut hadir memeriahkan majlis adalah Y. Berusaha Dr. Hari Ram Ramayya selaku wakil dari MIC Perlis dan isteri, para mahasiswa dari Universiti Utara Malaysia, mahasiswa dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah serta orang awam sekitar Kangar. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Naib Canselor Brig. Jen Dato' Prof. Dr. Kamarudin Bin Hussin. Beliau meluahkan dalam ucapannya bahawa beliau begitu berbangga dengan anak-anak didiknya di UniMAP kerana begitu memahami hasrat dan harapan beliau dengan menterjemahkannya melalui penganjuran program seperti ini. Beliau percaya mahasiswa/i UniMAP akan terus mendokong hasrat untuk mengekalkan perpaduan yang dikecapi sekarang hingga Malaysia berjaya mencapai tahap negara maju. Persembahan kebudayaan dan aktiviti menarik yang melibatkan penglibatan mahasiswa dari pelbagai kaum berjaya memukau para hadirin yang hadir pada malam tersebut. Tahniah dan syabas kepada pihak penganjur.